



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

No Sebutharga	Keterangan Kerja	Syarat Pendaftaran
<b>S11/2020</b>	Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan di Hadapan Dataran Keris Alor Gajah	<b>Gred G2</b> <b>Kategori CE dan B</b> <b>Pengkhususan CE21 dan B04</b>
<b>S12/2020</b>	Kerja Menaiktaraf Dataran Keris Alor Gajah	<b>Gred G2</b> <b>Kategori CE dan B</b> <b>Pengkhususan CE21 dan B04</b>
<b>S13/2020</b>	Kerja Mengecat Semula Bangunan Lama Pekan Rembia dan Bandar Alor Gajah serta membina laluan Pejalan Kaki serta kerja yang berkaitan	<b>Gred G2</b> <b>Kategori CE dan B</b> <b>Pengkhususan CE21 dan B04</b>
<b>S14/2020</b>	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Awam milik MPAG di kawasan Perindustrian dan Taman Perumahan di dalam Daerah Alor Gajah	<b>Gred G1,G2 dan G3</b> <b>Kategori ME</b> <b>Pengkhususan E04, E16, E17 dan E21</b>

1. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **21 Ogos 2020** hingga **27 Ogos 2020** di Unit Perolehan secara tunai atau dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga **RINGGIT MALAYSIA LIMA PULUH SAHAJA (RM 50.00)** yang dibuat di atas nama **Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah**.
2. Lawatan Tapak adalah digalakkan. Pihak Kontraktor diingatkan agar sentiasa mengekalkan amalan penjarakan, penggunaan '*hand sanitizer*' dan pemakaian '*face mask*' selaras dengan Manual Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Untuk makluman kontraktor yang ingin membeli Dokumen Sebut Harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai kontraktor MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak RM150.00 dengan mengemukakan Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat , Penyata Bank beserta Cop Syarikat.
4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Bagi maksud ini Kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Serta Sijil Taraf Bumiputera dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut serta surat wakil semasa** membeli dokumen sebutharga.
5. **Pihak kontraktor perlu mematuhi garis panduan (SOP) bagi pembelian sebutharga yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan.**
6. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan hendaklah mencatat No.Rujukan Sebutharga disebelah penjurong kiri sampul tersebut. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **28 Ogos 2020**. Majlis tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana Sebutharga.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"ALOR GAJAH, DINAMIK, PROGRESIF, HOLISTIK"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUL ADNAN BIN MOHD SAID)**  
Setiausaha  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah.

Tarikh : 14 Ogos 2020